

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN SIVAKUMAR VARATHARAJU NAIDU  
[ BATU GAJAH ]**

**TARIKH : 11 OKTOBER 2021 (RABU)**

**SOALAN**

**TUAN SIVAKUMAR VARATHARAJU NAIDU** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan secara terperinci mengenai Pengambilan Khas Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Gred DG41 secara '*one off*' tahun 2021. Adakah sasaran pengambilan itu telah mencapai matlamatnya setakat ini.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Pada 20 Jun 2021, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mengumumkan Pengambilan Khas seramai 18,702 orang Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) Gred DG41 secara *one-off* bagi mengisi kekosongan guru di sekolah KPM. Urusan pengambilan PPP ini adalah di bawah bidang kuasa Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan (SPP) selaku Pihak Berkuasa Melantik.

Dari segi kriteria pemilihan, keutamaan akan diberikan kepada graduan yang mempunyai kelayakan ikhtisas pendidikan daripada Universiti Awam, Universiti Swasta dan universiti luar negara untuk dilantik secara tetap. Selain daripada itu, calon juga perlu memenuhi syarat skim perkhidmatan, memenuhi padanan Kluster Mata Pelajaran dan berjaya dalam temu duga SPP. Temu duga tersebut menilai kompetensi umum seperti sikap, penampilan diri, pengetahuan am dan kompetensi fungsional seperti kandungan mata pelajaran dan pedagogi.

Sekiranya bilangan calon yang berjaya dilantik dalam kalangan graduan yang mempunyai kelayakan ikhtisas pendidikan masih belum mencukupi, maka SPP akan melaksanakan kaedah lantikan secara *Contract of Service* (CoS) dalam kalangan calon-calon yang tidak memiliki kelayakan ikhtisas pendidikan.

Berdasarkan data sehingga 19 September 2021, terdapat 21,564 kekosongan guru di sekolah KPM seluruh negara. Dengan mengambil kira pengambilan *one-off* tersebut, baki kekosongan 2,862 akan diisi melalui proses lantikan biasa secara berterusan oleh SPP. KPM yakin dengan pengambilan *one-off* ini perkara berkaitan kekurangan guru yang telah berlanjutan bertahun-tahun lamanya akan dapat diselesaikan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, urusan pengambilan *one-off* ini telah bermula pada 7 Julai 2021 dan dijangka selesai pada bulan Disember 2021.